

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG
[MIRI]
TARIKH : 15.11.2017
SOALAN :

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan terdapat jumlah sebanyak 1,020 buah sekolah yang disenaraikan sebagai sekolah daif di Sarawak. Sila Jelaskan sama ada terdapat bajet tambahan yang diperuntukkan untuk tujuan memperbaiki dan membina semula semua sekolah daif tersebut di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek pembangunan semula sekolah daif dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan tahap kedaifan sekolah. Di bawah bajet 2018, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.5 bilion untuk membina semula dan menaik taraf 2,000 sekolah daif menggunakan IBS di Sarawak, Sabah dan Semenanjung. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1 billion telah diperuntukkan kepada Negeri Sarawak.